

PERUTUSAN MAAL HIJRAH 1439H/2017M YAB PERDANA MENTERI

NAJIBRAZAK.COM

September 21, 2017

1. Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah SWT, dengan limpah kurnia dan izinNya, dapat kita menyambut Tahun Baru Hijrah 1439. Awal Muharam yang menandakan awal tahun Hijrah mempunyai pengertian yang amat besar bagi umat Islam. Hijrah Rasulullah SAW dari Kota Mekah ke Madinah adalah satu rancangan strategik dalam menyusun strategi bagi menjamin keselamatan dan kemenangan Islam dan mempertahankan agama Allah serta nilai-nilai murni Islam untuk jangka panjang.
2. Keseluruhan perjuangan Rasulullah SAW sebenarnya adalah satu gabungan gerak langkah yang berasaskan prinsip-prinsip Islam iaitu sentiasa berikhtiar, sabar, istiqamah, dan redha.
3. Hijrah Rasulullah SAW menandakan titik transformasi dalam kemajuan umat Islam. Hijrah melahirkan satu sistem hidup bermasyarakat yang sempurna, dan menyaksikan transformasi kekuatan umat Islam daripada satu umat yang lemah kepada satu umat yang mantap, bertenaga dan berkemampuan tinggi.
4. Sesungguhnya, Islam telah berjaya membangunkan sebuah masyarakat dengan sistem pemerintahan tersendiri yang menjamin keselamatan umat Islam serta bukan Islam. Satu tamadun dan peradaban yang tinggi telah dapat dilahirkan dalam satu tempoh yang singkat.
5. Kejayaan hijrah pertama dalam sejarah Islam ini juga telah mengubah landskap akidah, ibadah, dan akhlak yang membina tamadun masa depan ummah. Firman Allah SWT dalam Surah an-Nisa' ayat ke 100 yang bermaksud:

“Dan sesiapa yang berhijrah di jalan Allah, nescaya ia akan dapati dibumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur; dan sesiapa yang keluar dari rumahnya

untuk berhijrah kepada Allah dan RasulNya, kemudian ia mati sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.”

6. Hakikatnya, kekuatan utama hijrah ialah memulihkan dan mengekalkan perpaduan. Perpaduan umat Islam iaitu berasaskan kepada kesatuan dalaman yang terzahir sebagai pautan kejiwaan dan kerohanian.

7. Justeru, tuntutan hijrah pada hari ini bukan lagi sekadar perpindahan dari satu tempat ke satu tempat yang lain, tetapi ianya adalah suatu transformasi atau perubahan minda dan budaya hidup yang berteraskan ajaran Islam yang sebenar-benarnya.

8. Jika dilihat dari sudut era globalisasi, hijrah itu merangkumi perubahan dan penghijrahan dari pelbagai aspek iaitu dari sudut fizikal, minda, sikap, hati, persekitaran dan sebagainya. Perubahan ini mampu mengubah keadaan hidup samada dari segi ekonomi, sosial, pendidikan dan taraf hidup. Kini, negara kita telah mengalami banyak perubahan dan pencapaian dari satu peringkat kepada peringkat yang lain yang lebih baik dan cemerlang.

9. Akhir kalam, bersempena dengan tema sambutan Maal Hijrah tahun ini iaitu “Kesatuan Ummah Kesejahteraan Negara”, maka, marilah kita bersyukur ke hadrat Ilahi di atas nikmat keamanan dan keharmonian yang dikecapi pada hari ini. Semoga sambutan kita pada tahun ini lebih bermakna demi NEGARAKU yang tercinta.

Sekian.

©2017 Copyright Reserved NajibRazak.com, Blog, Featured Articles

Source: <https://www.najibrazak.com/bm/featured-articles/perutusan-maal-hijrah-1439h2017m-yab-perdana-menteri/>